# KLEPTOKRASI NAJIB
**Chedet.cc**
**22 November 2016**
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Najib dan konco-konconya kerap menuduh sebarang usaha untuk menjatuh Kerajaannya yang dipilih melalui pilihanraya sebagai bertentangan dengan demokrasi.

2. Yang sebenar ialah dalam negara yang mengamal demokrasi tuduhan dan tindakan untuk menjatuh Perdana Menteri atau Presiden adalah perkara biasa.

3. Di Australia Perdana Menteri Tony Abbott telah dijatuhkan oleh partinya sendiri dengan memilih pemimpin lain, Malcolm Turnbull untuk jadi Perdana Menteri.

4. Di Brazil Presiden yang dipilih secara demokratik telah digantung jawatan untuk membolehkan siasatan dibuat ke atas tuduhan ia terlibat dengan rasuah.

5. Di Korea Selatan rakyat mengadakan demonstrasi besar-besaran mendesak Presiden Park Geun-hye meletak jawatan kerana membenar kawannya terlibat dengan urusan Kerajaan.

6. Di negara ini juga Tun Abdullah Badawi didesak oleh Najib sendiri untuk meletak jawatan walaupun Abdullah baru menang dalam Pilihanraya 2008. Kemenangannya lebih baik dari Najib pada PRU 13.

7. Hari ini rakyat mendesak Najib letak jawatan. Tetapi Najib menutup cara-cara demokratik bagi menyingkirnya. Tindakannya tidak demokratik sama sekali.

8. Apabila laporan dibuat kepada polis yang ia menghilangkan beribu juta duit Kerajaan, orang yang buat laporan itu dan peguamnya ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan yang tidak munasabah. Kononnya mereka mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

9. Mahkamah berpendapat mereka tidak bersalah dan mereka terpaksa dilepas. Tetapi passport mereka dirampas.

10. Yang nyata ialah walaupun terbukti jelas akan jenayah yang dilakukan oleh Najib, laporan kepada polis tidak boleh diguna terhadap Najib. Pendakwa Raya akan dakwa tidak ada kesalahan yang dibuat oleh Najib. Sekaligus Pendakwa Raya mengambil alih tanggungjawab hakim dan mahkamah.

11. Apabila percubaan dibuat untuk mengadakan undi tidak percaya dalam parlimen, Speaker Pandikar Amin dengan angkuh, tanpa asas undang-undang atau cara demokrasi; menyatakan ia tidak akan benar undi tidak percaya dibahas dalam parlimen.

12. Ahli Dewan parti Kerajaan pula diketahui telah disogok dan tidak dibenar menyokong undi tidak percaya walau sebagaimana jelas pun jenayah yang dilaku oleh Najib. Ahli dewan yang dipilih oleh rakyat sebagai jurucakap mereka sudah jadi bisu dan pekak. Hanya apabila kena cambuk parti barulah bergerak.

13. Rayuan kepada pihak atasan dengan segala bukti berkenaan pencurian berbillion Ringgit oleh Najib juga tidak dapat apa-apa layanan.

14. Dalam keadaan inilah rakyat mengadakan demonstrasi melaungkan kehendak mereka supaya Najib undur. Mereka berdemo secara aman walaupun jelas Kerajaan mengguna samseng bayaran untuk mencetus huru hara supaya keadaan sekuriti boleh diisytihar mengancam negara. Dengan itu Kerajaan boleh kuatkuasakan undang-undang sekuriti baru yang memberi kuasa kepada Kerajaan tangkap dan kurung siapa sahaja.

15. Jika tidak kerana polis, pihak baju merah akan menyerang penunjuk perasaan baju kuning. Tetapi mereka takut apabila melihat puluhan ribu baju kuning sedangkan mereka baju merah tak sampai seribu pun.

16. Tangkapan pemimpin baju kuning tidak berjaya melumpuhkan semangat penunjuk perasaan baju kuning. Sebenarnya lebih ramai menyertai demo baju kuning kerana marah kepada Kerajaan.

17. Jurucakap Najib boleh cuba perkecil demo ini. Tetapi Najib tidak boleh lari dari kenyataan bahawa ia adalah P.M. yang amat dibenci oleh rakyat. Kejayaannya yang terbesar ialah diwaktu ia jadi PM, demo yang terbesar yang berjumlah hampir seratus ribu rakyat diadakan, walaupun mereka diancam dan diugut atas arahan Najib.

18. Ya! Rasuah berbillion akan diguna dalam pilihanraya. Tetapi duit seberapa banyak pun tidak boleh membeli sokongan dari rakyat yang amat benci Najib dan UMNO, MCA, MIC dan BN.

19. Wahai ahli UMNO! Sedarlah. Najib sudah menghancurkan parti keramat yang memerdekakan negara dan dipulih pada tahun 1969-1970 oleh bapaknya.

45 thoughts on “KLEPTOKRASI NAJIB”

1. Log in to Reply **faridina**Nov 27,2016 2:49 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Mohon sedikit ruangan berbicara dengan sahabat segelombang pemikiran yang berusaha saudara Umranrc.

Kita seharusnya berasa bersyukur menjadi penghuni setia dalam blog keramat ini yang pemiliknya bukan calang2 orang, yang tidak minta disanjungi, yang tidak minta dikipasi dan yang tidak minta dipujai.

Namun beliau sentiasa mahu kita berusaha gigih dalam mencapai impian kita sekiranya ianya membawa kepada kebaikan dan kebangkitan kesedaran rakyat secara menyeluruh.

Lantas masing2 dari kita di sini mempunyai tanggungjawab dalam menyumbangkan sesuatu bukan sekadar dikenali sebagai pahlawan siber atau pahlawan papan kekunci sahaja.

Mengapa simboliknya kami memohon sokongan 10 orang komentator blog ini bagi tujuan program Forum Rakyat @ Blog Chedet Live hanyalah sebagai gimik klise kata pujangga “Beri aku 10 pemuda nescaya bisa aku goncangkan dunia”.

Walau apapun ramai dikalangan kita di sini tidak mahu publisiti murahan atau dicop pembodek atau dilihat terang-terangan menyokong usaha kita, tidak mengapa kita tidak sedikitpun berkecil hati malah terus kental tekad dan bulat meneruskan projek ini.

Mungkin juga sdr Umranrc level Tun M hanya perlu 8 orang untuk mengoncang dunia seribu kemungkaran Najib Razak secara simbolik dalam usaha menjayakan program kita ini.
1. Umranrc
2. Kamarulaznan
3. AntiRasuah
4. Musato
5. RimbaEmas
6. Housewife
7. Asahamat
8. Sri Sense

Makanya selaku sekretariat sdr Umranrc bolehlah menghantarkan surat permohonan kepada YABhg Tun berserta surat terbuka dan 8 sokongan simbolik ke alamat emel tempoh hari pada hari esok Isnin 28hb November 2016 dan kami akan juga follow up dengan tuan melalui emel esok.

Semoga usaha kita mendapat keberkatan dan dipermudahkanlah hendaknya. Amin.

Terima kasih Tuan Umranrc.

Wasalam Tun.

2. Log in to Reply **faridina**Nov 27,2016 3:38 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Sepetang di Melaka singgah ke sebuah masjid di Bukit Rambai untuk Asar dan memang suka dengan design masjid2 lama kat Melaka (pengaruh senibina China zaman Cheng Ho dan Hang Li Poh) dan suka dengan konsep kolah (tapi kalau Masjid Bulat kat Seksyen 14 PJ tu siap ada bela ikan2 perhiasaan kecil lagi untuk bersihkan lumut – cukup unik) namun masjid kat Bkt Rambai ni lagi unik sebab tandasnya ada tandas VIP lagi siap ada kalungan bunga hiasan begitu.

Jangan salah tafsiran, semua orang boleh guna tandas VIP ini cuma nak habaq mai depa mengutamakan kebersihan dan ini simboliknya. Syabas kepada pengurusan Masjid Al-Falah.

Dalam pada tu terperasan Sri Sense setelah lama menyepi sudi singgah sepetang di blog ini maka ini tandanya kita mendapat satu lagi undian sokongan menjadikan jumlah terkini 8 – wow ada ong lah :).

Wasalam Tun.

3. Log in to Reply **Sri Sense**Nov 25,2016 12:59 PM

Salam Tun

Lama tak singgah sini, hari ini ambil peluang baca serba sikit sini. Walaupun gitu sering baca posting kelab chedet FB.

Tun, sejak tengok duit kita semakin jatuh tambah risau hati. Bila nak beli barang dalam US dollar pening kepala. Sakit hati tengok.

Najib ini lebih teruk dari Pak Lah, memang patut dia dan UMNO dikuburkan terus. Memang ramai antara kita masih sayangkan UMNO tapi pasal Najib dan kuncu2 penyamunnya bye bye aje la.

4. Log in to Reply **faridina**Nov 25,2016 11:50 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Benar seperti kata sdr Umranrc segala urusan format dan aturcara akan melibatkan perbincangan awal dengan para blogger namun apa yang penting menurut beliau lagi adalah mendapatkan tarikh dari ayahanda Tun terlebih dahulu.

Kami berasa yakin dalam sehari dua ini 3 undian sokongan berharga akan diterima untuk melengkapkan cadangan 10 sokongan simbolik dari blogger-blogger di sini.

Sementara itu sdr Umranrc sudah boleh membuat draf surat permohonan menyatakan tujuan dan memohon kebenaran dan sekaligus mendapatkan tarikh kelapangan ayahanda Tun bagi menyertai program Forum Rakyat @ Blog Chedet Live.

Surat terbuka cadangan forum serta nama 10 sokongan simbolik dari para blogger bolehlah dikepilkan bersama.

Ayahanda Tun boleh dihubungi melalui emel sufi71@gmail.com dan seperti kebiasaan harus selalu follow-up selepas itu.

Bulan Disember dikira menarik memandangkan anak-anak pun sedang dalam cuti persekolahan.

Oleh yang demikian kita berdoa mendapat 3 lagi undian sokongan secepat mungkin untuk membolehkan sdr Umranrc segera menghantar emel kepada sdr Sufi Yusof pengawai khas Tun Dr Mahathir.

Sekian. Terima kasih Tun dan wasalam.

5. Log in to Reply **umranrc**Nov 25,2016 10:24 AM

Salam Tun,

Cadangan-cadangan terbaru dari segi format forum yang dibawa oleh Tuan/Puan Faridina perlu perbincangan awal bersama-sama bloggers tetap disini untuk melaksanakannya.

Bagaimanapun, ada cadangan tarikh untuk forum ini Tuan/Puan Faridina? Ini penting untuk perancangan seterusnya.

Terima Kasih Tun.

6. Log in to Reply **faridina**Nov 25,2016 2:12 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Kami bersetuju sangat dengan usul yang dibawa sdr Asahamat semoga pihak sekretariat mengambil maklum dan ini menjadikan 7 undian sokongan setakat jam ini.

Buat pengetahuan sdr Asahamat bolehlah gugurkan tanda soal tersebut kerana ini bukan cadangan

kamipun cuma tumpang buat sibuk je jangan marah syeikh.

Penulisan Sdr Asahamat kami kagumi dan sungguh berpandangan jauh kami salute dan semoga terus berkarya.

Buat tuan sekretariat pula kami ada lagi satu cadangan untuk format forum rakyat @ blog chedet live ini.

Olehkerana ramai di kalangan penyokong dan waimanya penentang Tun M yang 'public shy' dan tidak mahu dikenali maka kita akan gunakan dua format sewaktu sesi soal jawab;
Format Kedua – Sesi soaljawab dengan hadirin dan sdr Umranrc selaku Pengacara hendaklah 'In control' tidak seperti DAKJ tempoh hari (no heart feelings DAKJ fans ok kami pun peminat beliau, hari

tu ada shakehand juga tapi taklah sampai berselfie bro KJ ni betul2 otai berwawasan tak gitu Daniel Noor). Tetapkan berapa orang dan hanya satu soalan sahaja setiap seorang dan tiada ceramah sebelum soalan. Umranrc kena firm dan berani cut kalau ada yang merepek meraban.

Format Pertama – 10 komentator blog ini terdiri dari (UM jadi MC dah terkeluar ) so faridina lah jadi orang pertama menyoal 2. Kamarulaznan 3. Anti Rasuah 4. Musato 5. Rimba Emas 6. Housewife 7.

Asahamat 8 hingga 10 masih kosong lagi siapa cepat dia dapat .

Format Pertama didahulukan dan pada sesiapa yang masih samar2 begini formatnya.

Pada prinsipnya kami para komentator tidak mahu publisiti makanya format kedua berbentuk Live Blogging di mana sebuah laptop akan disambung terus ke OHP ada big screen dibackdrop pentas dan kami akan terus post soalan di posting khas Forum Rakyat & Live Blogging dan ayahanda Tun akan lepaskan satu persatu soalan dan dipancarkan di big screen yang akan dibaca oleh sdr Umranrc dan dijawab oleh Tun secara spontan pada hadirin dan identiti kami tidak diketahui sesiapa walaupun kami ada di dewan tersebut.

Usai Format Pertama acara disambung dengan Format Kedua sesi soaljawab para hadirin.

Harapan kami semoga cadangan di atas mendapat pertimbangan sewajarnya dari pihak sekretariat.

Terima kasih sdr Asahamat.

Wasalam Tun Berdua.

p/s – Ada 3 lagi undian sokongan dipohon agak2nya Tok Jangut faham bahasa Melayu tak? Tok Jangut google translate lah ini – "Saya bersetuju dengan faridina" then we will consider that as a

yes! Long live The Queen!

7. Log in to Reply **faridina**Nov 24,2016 3:03 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Maaf terlepas pandang tadi saranan surirumah berhubung dengan apa yang penting keselamatan Tun berdua mesti dititikberatkan dan bersetuju berbillion kali dan berdoa pihak sekretariat dapat meletakkan keselamatan this loving couple first and foremost!

Sabit tu lah kami nak tiru depa ke mana2 berdua berkepit so sweetlah tak percaya baca buku Tun Siti – Tun M ni dulu masa muda bercinta hebat sampai simpan jambang berserabut macam Kassim Selamat infact kalah kassim huhuhu..

Nah soalnya sekarang siapa tiru siapa?

Entah2 Tan Sri P. Ramlee tiru Tun kot hahaha..

Wasalam Tun.

8. Log in to Reply **faridina**Nov 24,2016 1:32 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun.

Seperti dijangka kita sudah terima dua lagi undian sokongan berharga dari Rimba Emas dan Housewife kedua2nya dari Pulau Pinang menjadikan jumlah terkini 6 undian sokongan.

Sdr Rimba Emas seorang pekerja yang berdedikasi tinggi adalah juga seorang aktivitis dan pejuang yang menegakkan kebenaran ke jalan Allah. Benar dan tepat sekali beliau tidak pernah menunggu jemputan untuk ke majlis2 sebegini kerana beliau pejuang kebenaran sejati.

Ini terbukti dengan kehadiran beliau di KSS dahulu dan banyak acara yang tidak dihebahkan kami tabik hormat pada beliau, cuma tang format ini saja kami nak tunjukkan pada umum betapa pengkomen blog ini benar2 komited dan percaya ramai di luar sana juga akan hadir tanpa memberi

undian .

Ini membawa kita kepada seorang surirumah merangkap PM, Raja, Menteri Kewangan dan Menteri

Dalam Negeri dalam jajahan takluk rumahnya .

Sepertimana telahan sdr Umranrc kami juga percaya beliau bukan sebarangan orang walaupun dengan rendah diri membawa title housewife berdasarkan tulisan beliau yang kritis dan membina in depth lah cakap omputihnya.

Benar juga kata surirumah bahawa Tun M sanggup turun ke majlis berskala kecil kalau kena dengan masanya namun pihak kami cuba mendesak ayahanda Tun menggunakan platform chedet untuk membuka mata pihak sebelah sana bahawa sokongan dalam alam siber boleh diterjemahkan dalam bentuk hakiki dan fizikal tanpa perlu dokongan parti politik contohnya.

Ayahanda Tun cukup berprinsip namun jika ini boleh menyakinkan the masses why not sebab tujuan kita semua sama ingin menumbangkan rejim yang maha zalim dan korup dipimpin Tokoh Kleptorat Negara.

Seperti Housewife kami juga public shy dan tidak akan sekali2 ingin menonjolkan diri sabit tu lah sdr Umranrc diminta lead dan sememangnya beliau berkebolehan serta amat berkelayakkan untuk task ini.

Sekadar penginapan kami akan menawarkan beberapa homestay kepada sekretariat dan kita yang public shy memang takkan terserempak.

Syukran-syukran Rimba Emas dan Housewife.

Wasalam Tun.

p/s – Cuma tinggal 4 sahaja lagi untuk sekretariat mula bertindak ayuh kawan-kawan kembang seblog

jangan malu jangan penyegan na

9. Log in to Reply **HouseWife**Nov 24,2016 2:47 AM

Assalamualaikum Tun,
Tun, I believe his voyage to China is just a show-off to USA that their 'enemy' is his BFF, so he would say like; "hei, you(usa) think I'm scared of you". So daring of him ya Tun. But his vision is so small, only to enrich his business loyalists to sustain or increase his grasp in power. To him Money is Power. But why in this MO1@DSN's era there are few jobs creations? Or am I living out of this world? My son just graduated and he has scrammed 6 job interviews, results- naughts! No strings attached or pulled, I want him to use his own efforts and whatever capabilities he has got. Can't wait for China to settle in Malaysia, maybe got job in China chinese company ya. Preference with chinese language?...Oo ada baca cina masa kat U. Bila China nak masuk Tun? Nak bayaq hutang belajaq ni takde kerja, depa dah dok minta ni, jadi tukang bancuh teh cina pun jadi la, asal kerja halal.

Excuse me Tun, onto another topic, thank you Tun.
Tuan/Puan Faridina cakap; "....baru dapat 3 undi sokongan dah nak makan buah berangan"...comel lah. Begini tuan/puan faridina, si saya punya rasa je:
jika Tun is willing and gives full permission, jika ia tidak tambah bebanan kepada Tun, jika ia tidak ganggu jadual dan masa rehat Tun, jika misi, visi dan fungsi chedet incorporated selari dengan aliran pemikiran Tun, jika segala kepayahan dan kesulitan yang timbul kelak tidak berpindah kepada Tun,

jika segala perselisihan pendapat dibincang dengan adil, jika tiada diskriminasi gender atau seakan ala 'tajudin vulgarity', and most importantly, Tun's security, it's the responsibility of all, even if it's a small hi-tea party with Tun, Tun is not just anybody esp someone so loved and respected by friends and foes, so Tun's safety is the real issue that cannot be taken lightly. If there's no sha la la…well why not, I a simple housewife gives full support.

Tun and Tuan/puan faridina, frankly speaking I'm a very very very public-shy person but in my own home I am the king, I'm the queen and I'm the Puan Minister. I'm my own hero in my kitchen 'cabinet'…a woman knows what I mean. I love every bit when my kids obey my orders minus the dedak, I pay their obedience with only a motherly loving touch and care. So I don't expect to be among the 'braves and brainy' in chedet incorporated but I'll support anything and everything that come out good from this well-meant initiative. Sorry, belum apa2 si housewife dah banyak songeh. Thank you and may your wishes come true.

Thank you Tun for this moment. May Allah Bless and Protect you and family Always. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Please take extra care in your safety and Thank you Tun.

10. Log in to Reply **faridina**Nov 24,2016 2:07 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Malam tadi kami sempat singgah ke Dataran Merdeka untuk bersama rakyat prihatin lain berkumpul mengutuk penahanan aktivitis rakyat Maria Chin Abdullah.

Berpeluang mendengar beberapa ucapan antaranya dari peguam Datuk S. Ambiga yang menceritakan perihal kenalan rapatnya ini yang melalui kehidupan yang cukup sederhana dengan memandu kereta Gen-2 lamanya, berpakaian simple, tiada cincin berlian dijari, tiada beg tangan berjenama yang kerja kebajikannya hanya membantu orang2 yang memerlukan.

Menjelang perhimpunan aman Bersih 5 pula Maria, Mandeep Singh dan Ambiga telah mendapat ugutan bunuh dan ancaman dari pengganas namun apabila laporan polis dibuat tiada tangkapan dibuat TETAPI sedih sekali kini Maria pula ditahan di bawah akta khas untuk pengganas?

Kadangkala terfikir kehebatan dan kelicikan memanda bernajis untuk mengaburi mata rakyat bawahan ;

Hulur BR1M Kenakan GST
Hapus ISA Kenakan SOSMA

Kedua-duanya mula nampak cantik tetapi pengakhirannya amat menyakitkan.

Wahai rejim jelas kini kenapa kamu berasa takut pada seorang wanita yang juga seorang ibu kepada 3 orang yang juga seorang balu KERANA beliau sebenarnya mewakili kebangkitan kami rakyat biasa-biasa!

Wasalam Tun.

11. Log in to Reply **faridina**Nov 23,2016 9:19 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Setakat ini sudah 4 undian sokongan diterima kali ini datangnya dari sdr Musato yang kami hendak beri jaminan bahawa sememangnya kehadiran Tun M sebagai pemilik blog ini adalah misi dan visi forum rakyat di blog chedet live.

Berbicara dengan Musato teringat dengan arwah Din Turtle blogger tersohor kebanggaan orang Terengganu kite yang telah kembali ke rahmahtullah baru2 ini.

Jasa beliau dikenang dan marilah sama2 kita sedekahkan Al-Fatihah buat arwah Din.

Terima Kasih Musato.

Wasalam Tun.

12. Log in to Reply **z2z**Nov 23,2016 1:19 PM

Najib and gang are trying to break the BERSIH movement by imprisoning and torturing Maria. We cannot sit by and let them do this. What if they starve her and she dies in remand?!?

We must step up the demand for immediate release of Maria. We must forego our selfish needs and put aside 1 day to turn out in force to demand release of Maria Chin Abdullah at once. The gathering must be even bigger than Bersih 5.0!

If we let them do this to Maria, then we have given them permission to abuse the power and they will dare to detain and imprison anyone. Show them the Rakyat will not be intimidated!

What is wrong with the people of Malaysia? What apathy and selfishness!?! In other countries the population would have organized a mass protest and demonstration… If the rakyat is not willing to even make yourself be seen and count then you deserve to be in the dire predicament you are in now.

In the not to distant future, just like in North Korea you would be imprisoned for merely voicing your displeasure or donning a shirt of the wrong color! And you will encounter many discomforts and will be displeased, including rising cost of living due to falling ringgit, higher taxes, tolls and fees due to loan (1MDB, EDL, etc) repayments, longer working hours and added stress of 2 jobs (just to support yourself and your family), working beyond 65 years and above (you can't afford to) and your adult children still requiring you to support (they can't find a decent paying job).

————————————————————————-

I wish I could care.
But I'm apathetic.

I wish I could be happy
Wow, I'm pathetic.

Recovery can wait until tomorrow.

Mary Jan 12, 2015

---

A child starves
Thin little arms
And they say
Not my problem.

A black man dies
Fear in his eyes
And they say
Not my problem.

A woman is terrified
To walk down the street at night
And they say
Not my problem.

I don’t understand it
How blind can you be?
Even though it’s hidden
It’s still a reality.

We have to educate
Only then can we celebrate
The destruction of hate
and the changing of our fate.

Our world won’t be successful
‘Til all that’s bad is gone
In the meantime, we’re regretful
No one knows what’s going on.

Anshika Nov 12, 2014

---

13. Log in to Reply **zulu**Nov 23,2016 11:53 AM

The Star news paper had interview session with DPM and they never asked a single question to him on 1MDB loot and DOJ case against Najis and his family.

This shows how this news paper from MCA cheating Malaysian chinese of hiding the wrong doings of corrupt PM and his slaves...

And this is the reason why Malsysian chinese are leaving MCA.

14. Log in to Reply **zulu**Nov 23,2016 11:26 AM

There are few ways to force the release of Maria Chin from Najis and his slave's custody…

1, Report should be filed against Najis in UN and make sure his and his slave's travels are restricted like president of Sudan
2, Bersih supporters go for hunger strike around the world
3, Huge hunger strikes and rallies in front of Najis's house and other places that belongs to his looting family

15. Log in to Reply **master**Nov 23,2016 10:13 AM

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day.
a. Bermacam2 cara pesalah & juga orang yang selalu bergelumang membuat dosa & kesalahan cuba menepis segala tuduhan & mempertahankan diri untuk menegakkan kesilapan yang mereka telah buat bahawa mereka adalah di pihak yang benar dengan memberikan berbagai alasan.

b. Dalam isu negara kita, penegak2 ajaran songsang serta pelaku2 kesalahan telah dibuktikan berlakunya kesalahan2 tersebut. Hukuman belum lagi dijatuhkan, selagi penuduh & orang yang kena tuduh tidak dibawa ke dewan atau mahkamah keadilan selagi itulah isu besar ini akan berlarutan, melarat ke beberapa lagi isu yang tidak berkaitan & akan menimbulkan kekacauan serta huru hara.

c. Kesalahan2 & dosa2 yang dituduh oleh pihak penuduh adalah terlalu besar. Ia bukan sahaja melibatkan dalam negara malah luar negara. Pelaburan tak sah, pengubahan wang haram serta rasuah bukan hanya terjadi di dalam negara malah di merata tempat di seluruh dunia. Takkanlah pihak yang mengaku pandai & bijaksana kononnya, tidak nampak cara hendak menyelesaikannya.

d. Mengapa pula hendak mengaitkan dan mengheret isu2 yang telah lepas ke dalam kes begini. Kot ya pun dulu tu salah, bawa sahajalah ke mahkamah pengadilan & dakwalah dalam kes yang berasingan. Beberapa kali dicabar ke atas pihak penyokong kerajaan, kalau ada kes, ayoh kita ke mahkamah. Ada berani? Cakap tak serupa bikin!!!

e. Isu penyelewangan dana negara hampir RM50billion, hutang negara kini hampir menjangkau RM1trillion serta asset pelaburan negara yang bakal disita & terlalu banyak lagi kes pecah amanah & rasuah dilakukan oleh hanya 1 orang ketua pemimpin kerajaan, tidak termasuk kes yang melibatkan pengampu & penyokong2nya serta agen2nya yang lain, tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.

f. Ada pula pihak dari istana, yang bukan hendak meleraikan atau cuba hendak menyelesaikan kekusutan malah menuduh pula pihak yang membuat aduan & laporan serta penuduhan adalah virus pemecah keharmonian masyarakat dalam negara.

g. Majoriti Rakyat terlalu malas hendak masuk campur apabila ada isu yang melibatkan pihak istana, takut dituduh tidak hormat & tidak sayangkan raja malah kemungkinan disumbatkan ke dalam penjara walaupun ada juga isu yang tak masuk akal yang melibatkan mereka (tidak semua).

h. Dalam banyak hal, rakyat cuba bercakap dengan bahasa berlapik sehalus mungkin atau hanya membisu. Tun M hanya menjawab secara ringkas & bijaksana soalan yang diajukan oleh penyoal yang bertanyakan berkenaan "bangsa". Bagi sesiapa pun termasuk raja2 lain akan terkedu, apakah maksud & tujuan perkataan "bangsa" tersebut. Menurut pengertian bahasa ianya membawa maksud yang terlalu luas; bangsa manusia, bangsa jin, bangsa malaikat, bangsa Melayu dsbgnya. Bangsa Melayu di rantau ini dikaitkan dengan seluruh nusantara & orang Melayu dalam negara ini adalah dimasukkan di bawah kategori kecil dipanggil kaum Melayu & contoh etnik seperti Minangkabau, bugis dsbgnya. Jadi, secara ilmiahnya, penggunaan "bangsa" johor adalah tidak tepat & sudah tentu menimbulkan berbagai persepsi dan boleh dibincangkan dengan fikiran dan hati yang terbuka.

i. Ada juga salah seorang seorang pemimpin ulamak parti Islam kononnya yang selalu sombong & bongkak, kononnya amalan dan pakaian mereka adalah yang diterima Tuhan. Maka yang selain darinya adalah tidak Islamik, anti Islam. Tidak semua orang yang suka menunjuk2 amalan mereka. Yang suka menunjuk2 ini selalunya semakin banyak beramal semakin jauh tersasar dan terpesong perbuatan & akidah mereka. Islam adalah zahir & batin, bukan kulit dan persepsi namun syiar Islam perlu dijaga. Pendirian pun macam lalang, orang bukan Islam tak pernah hormat kepada kamu. Teknik dakwah kebencian ala2 munafik dan khawarij yang boleh dibaca. Janganlah mengharap kepada umno untuk hudud, mereka hanya bermain politik. Najib dan kengkawan sudah tentu terfikir seandainya hudud diluluskan dan seandainya mereka dibuktikan bersalah sudah tentu tangan mereka dulu yang akan kena potong, tak gitu. Kalau tak percaya cuba tanya najib betul2, nak sokong ke tak nak. Hakikat Perjuangan tidak mengira usia, beramallah seolah2 mati esok hari & bekerjalah seolah2 hidup seribu tahun lagi. Berjuanglah kerana Allah, menegakkan kebenaran, agar tidak termasuk dalam golongan syirik & munafik.

j. Sudah beberapa kali diingatkan kepada orang yang bukan Melayu, isu agama Islam, keistimewaan orang Melayu serta adat istiadatnya dan Raja2 Melayu jangan diusik & cuba masuk campur. Ini isu dalaman dan besar. Isu kaum dan bangsa kamu dianggap hak kemanusiaan tetapi isu Melayu dianggap "rasis"/perkauman. Melayu buat2 lupa, kamu yang sebenarnya pelupa. Kenalilah Melayu, aman Melayu amanlah negara. Semasa Isu 13 Mei 1969, kebencian Melayu terhadap bangsa asing sudah sampai ke tahap hampir maksimum namun selepas itu Melayu yang cintakan keamanan dan kemuafakatan demi kemajuan & kemakmuran negara tercinta, sanggup melupakannya malah bangsa asing diberi kebebasan yang luas untuk menggunakan sumber negara dan menjadi kaya. Kalau tak tahu nak berterimakasih, engkar pada perjanjian serta lupa sejarah lama, emosi yang hampir maksimum akan menjadi maksimum dan meledak. Ingat2lah dan hormatlah, asyik kena pijak & bersabar je pun tak boleh jugak nanti kena strok & darah tinggi.

k. Isu perpecahan Melayu dan ahli umno yang keluar beramai2 tidak akan terjadi seandainya teguran yang membina di awalnya diambil perhatian & tindakan segera. Kini orang Melayu sudah ramai menjadi pembangkang dek kedegilan dan kezaliman pemerintah yang bacul dan penakut. Memang sepatutnya kena bersatu dengan pihak pembangkang yang lain, takkanlah nak berjuang sorang2, ada akal fikirlah.

l. Kepada semua yang mengaku Melayu tidak kira siapa pun, bangkit & sedarlah, hari dah semakin senja, sudah masuk ke fasa akhir zaman. Pilihlah pemimpin yang berani, bersih, amanah, adil dan bijaksana yang boleh memimpin menongkah arus yang semakin mencabar. Perjuangan yang belum selesai kini menjadi perjuangan yang kusut masai dek kerana fikiran dan kelakuan najib yang berserabai. Di kemudian hari bukan sahaja para pemimpin malah yang dipimpin pun akan disoal mengenai tanggungjawab dan amanah yang dipikul.

16. Log in to Reply **master**Nov 23,2016 10:08 AM

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day.
a. Bermacam2 cara pesalah & juga orang yang selalu bergelumang membuat dosa & kesalahan cuba menepis segala tuduhan & mempertahankan diri untuk menegakkan kesilapan yang mereka telah buat bahawa mereka adalah di pihak yang benar dengan memberikan berbagai alasan.

b. Dalam isu negara kita, penegak2 ajaran songsang serta pelaku2 kesalahan telah dibuktikan berlakunya kesalahan2 tersebut. Hukuman belum lagi dijatuhkan, selagi penuduh & orang yang kena tuduh tidak dibawa ke dewan atau mahkamah keadilan selagi itulah isu besar ini akan berlarutan, melarat ke beberapa lagi isu yang tidak berkaitan & akan menimbulkan kekacauan serta huru hara.

c. Kesalahan2 & dosa2 yang dituduh oleh pihak penuduh adalah terlalu besar. Ia bukan sahaja melibatkan dalam negara malah luar negara. Pelaburan tak sah, pengubahan wang haram serta rasuah bukan hanya terjadi di dalam negara malah di merata tempat di seluruh dunia. Takkanlah pihak yang mengaku pandai & bijaksana kononnya, tidak nampak cara hendak menyelesaikannya.

d. Mengapa pula hendak mengaitkan dan mengheret isu2 yang telah lepas ke dalam kes begini. Kot ya pun dulu tu salah, bawa sahajalah ke mahkamah pengadilan & dakwalah dalam kes yang berasingan. Beberapa kali dicabar ke atas pihak penyokong kerajaan, kalau ada kes, ayoh kita ke mahkamah. Ada berani? Cakap tak serupa bikin!!!

e. Isu penyelewangan dana negara hampir RM50billion, hutang negara kini hampir menjangkau RM1trillion serta asset pelaburan negara yang bakal disita & terlalu banyak lagi kes pecah amanah & rasuah dilakukan oleh hanya 1 orang ketua pemimpin kerajaan, tidak termasuk kes yang melibatkan pengampu & penyokong2nya serta agen2nya yang lain, tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.

f. Ada pula pihak dari istana, yang bukan hendak meleraikan atau cuba hendak menyelesaikan kekusutan malah menuduh pula pihak yang membuat aduan & laporan serta penuduhan adalah virus pemecah keharmonian masyarakat dalam negara.

g. Majoriti Rakyat terlalu malas hendak masuk campur apabila ada isu yang melibatkan pihak istana, takut dituduh tidak hormat & tidak sayangkan raja malah kemungkinan disumbatkan ke dalam penjara walaupun ada juga isu yang tak masuk akal yang melibatkan mereka (tidak semua).

h. Dalam banyak hal, rakyat cuba bercakap dengan bahasa berlapik sehalus mungkin atau hanya membisu. Tun M hanya menjawab secara ringkas & bijaksana soalan yang diajukan oleh penyoal yang bertanyakan berkenaan “bangsa”. Bagi sesiapa pun termasuk raja2 lain akan terkedu, apakah maksud & tujuan perkataan “bangsa” tersebut. Menurut pengertian bahasa ianya membawa maksud yang

terlalu luas; bangsa manusia, bangsa jin, bangsa malaikat, bangsa Melayu dsbgnya. Bangsa Melayu di rantau ini dikaitkan dengan seluruh nusantara & orang Melayu dalam negara ini adalah dimasukkan di bawah kategori kecil dipanggil kaum Melayu & contoh etnik seperti Minangkabau, bugis dsbgnya. Jadi, secara ilmiahnya, penggunaan "bangsa" johor adalah tidak tepat & sudah tentu menimbulkan berbagai persepsi dan boleh dibincangkan dengan fikiran dan hati yang terbuka.

i. Ada juga salah seorang seorang pemimpin ulamak parti Islam kononnya yang selalu sombong & bongkak, kononnya amalan dan pakaian mereka adalah yang diterima Tuhan. Maka yang selain darinya adalah tidak Islamik, anti Islam. Tidak semua orang yang suka menunjuk2 amalan mereka. Yang suka menunjuk2 ini selalunya semakin banyak beramal semakin jauh tersasar dan terpesong perbuatan & akidah mereka. Islam adalah zahir & batin, bukan kulit dan persepsi namun syiar Islam perlu dijaga. Pendirian pun macam lalang, orang bukan Islam tak pernah hormat kepada kamu. Teknik dakwah kebencian ala2 munafik dan khawarij yang boleh dibaca. Janganlah mengharap kepada umno untuk hudud, mereka hanya bermain politik. Najib dan kengkawan sudah tentu terfikir seandainya hudud diluluskan dan seandainya mereka dibuktikan bersalah sudah tentu tangan mereka dulu yang akan kena potong, tak gitu. Kalau tak percya cuba tanya najib betul2, nak sokong ke tak nak. Hakikat Perjuangan tidak mengira usia, beramallah seolah2 mati esok hari & bekerjalah seolah2 hidup seribu tahun lagi. Berjuanglah kerana Allah, menegakkan kebenaran, agar tidak termasuk dalam golongan syirik & munafik.

j. Sudah beberapa kali diingatkan kepada orang yang bukan Melayu, isu agama Islam, keistimewaan orang Melayu serta adat istiadatnya dan Raja2 Melayu jangan diusik & cuba masuk campur. Ini isu dalaman dan besar. Isu kaum dan bangsa kamu dianggap hak kemanusiaan tetapi isu Melayu dianggap "rasis"/perkauman. Melayu buat2 lupa, kamu yang sebenarnya pelupa. Kenalilah Melayu, aman Melayu amanlah negara. Semasa Isu 13 Mei 1969, kebencian Melayu terhadap bangsa asing sudah sampai ke tahap hampir maksimum namun selepas itu Melayu yang cintakan keamanan dan kemuafakatan demi kemajuan & kemakmuran negara tercinta, sanggup melupakannya malah bangsa asing diberi kebebasan yang luas untuk menggunakan sumber negara dan menjadi kaya. Kalau tak tahu nak berterimakasih, engkar pada perjanjian serta lupa sejarah lama, emosi yang hampir maksimum akan menjadi maksimum dan meledak. Ingat2lah dan hormatlah, asyik kena pijak & bersabar je pun tak boleh jugak nanti kena strok & darah tinggi.

k. Isu perpecahan Melayu dan ahli umno yang keluar beramai2 tidak akan terjadi seandainya teguran yang membina di awalnya diambil perhatian & tindakan segera. Kini orang Melayu sudah ramai menjadi pembangkang dek kedegilan dan kezaliman pemerintah yang bacul dan penakut. Memang sepatutnya kena bersatu dengan pihak pembangkang yang lain, takkanlah nak berjuang sorang2, ada akal fikirlah.

l. Kepada semua yang mengaku Melayu tidak kira siapa pun, bangkit & sedarlah, hari dah semakin senja, sudah masuk ke fasa akhir zaman. Pilihlah pemimpin yang berani, bersih, amanah, adil dan bijaksana yang boleh memimpin menongkah arus yang semakin mencabar. Perjuangan yang belum selesai kini menjadi perjuangan yang kusut masai dek kerana fikiran dan kelakuan najib yang berserabai. Di kemudian hari bukan sahaja para pemimpin malah yang dipimpin pun akan disoal mengenai tanggung dan amanah yang dipikul.

17. Log in to Reply **Sharudin Jamal**Nov 23,2016 10:00 AM

Sahabat2 semua,

Kalau negara lain, dah lama orang macam Najib ni kena step down.

Ni sebabnya Melayu senang kena beli. Bangsa lain dah lama meluat dengan Najib. Kalau nak kira dosa Dr. M mememang banyak. Tapi itu perkara lepas. Najib ni persoalan masa depan anak2 kita. Takkan kita nak sorang pemimpin yang nak bawa generasi kita ke arah kemusnahan.

